

MB janji baiki jalan mendap

JKP, JPS akan dipanggil bagi naik taraf jalan berkenaan

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LANGAT – Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berjanji akan menyelesaikan isu jalan mendap dan tebing rosak di Kampung Jaya Sepakat yang didakwa sudah berlarutan sejak enam tahun lalu.

Beliau sudah meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melihat bagaimana laluan tersebut boleh dibaiki dengan segera.

Mohamed Azmin yang meninjau keadaan jalan rosak itu berkata, beliau menerima aduan penduduk mengalami kesukaran apabila jalan sepanjang 170 meter itu berlubang dan tebing sungai runtuh.

Keadaan itu katanya, turut menyebabkan Sungai Klang bersebelahan kampung tersebut menjadi sempit.

“Saya sudah panggil pengarah JKR dan JPS, kita akan bincang bagaimana tindakan boleh diambil untuk naik taraf jalan ini,” katanya.

Pihaknya mendapati, selain masalah jalan rosak, penduduk kampung juga dihantui aktiviti pembuangan sampah secara haram.



Jalan yang mendap dan rosak teruk di Kampung Jaya Sepakat.

Isu pembuangan sampah haram bukan saja berlaku di kampung tersebut tetapi kini berleluasa di semua daerah di Selangor.

Bagi kes di Kampung Jaya Sepakat, beliau meminta Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) meneliti penguatkuasaan terhadap kegiatan pembuangan sampah haram meski kampung itu di luar kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempat-

an (PBT) tersebut.

“Apa yang pasti, fokus kita sekarang bina semula jalan ini dengan memastikan tebing sungai dapat bertahan dan tidak menimbulkan masalah kepada penduduk,” katanya.

Menurutnya, kerja naik taraf akan dijalankan di sepanjang jalan keluar masuk ke kampung yang juga mengalami kerosakan.

Sebelum ini, *Sinar Harian* me-



Azmin (kanan) mendengar rintihan penduduk Kampung Jaya Sepakat ketika meninjau keadaan jalan yang rosak itu.

laporkan penduduk kampung tersebut merayu menteri besar baharu membaiki jalan berkenaan supaya mereka dan pengguna lain dapat menggunakannya dengan selamat.

Penduduk sebelum ini memberitahu, jalan utama digunakan pengguna dari kawasan Puchong, Saujana Putra dan Klang mendap, dipenuhi sisa buangan dan rosak teruk sejak beberapa tahun lalu.

Aduan berhubung perkara itu sudah beberapa kali dilaporkan akhbar namun jawapan mengecewakan diterima, tiada PBT mengaku jalan itu bawah penyelenggaraan mereka. Rakyat juga kecewa dengan jawapan wakil rakyat.

Bagaimanapun, kehadiran menteri besar itu ibarat sinar baharu kepada penduduk dan mereka berharap jalan itu dapat dinaik taraf segera.